



MAJLIS DAERAH TANGKAK
JALAN SIALANG,
84900 TANGKAK, TANGKAK,
JOHOR DARUL TA'ZIM

NOTIS PEMBERITAHUAN
PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB)
HAD WAKTU OPERASI AKTIVITI PERNIAGAAN

KEPADA : SEMUA PEMILIK PREMIS PERNIAGAAN DALAM KAWASAN PENTADBIRAN
MAJLIS DAERAH TANGKAK
TARIKH : 8 NOVEMBER 2020

SILA AMBIL PERHATIAN! Selaras dengan pengumuman Kerajaan berkaitan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB), hampir semua premis perniagaan dibenarkan beroperasi **dengan syarat perlu mematuhi SOP yang dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN)**.

Pihak Majlis membenarkan semua premis atau pengusaha yang **mempunyai lesen perniagaan dari Majlis Daerah Tangkak yang SAH sahaja** untuk beroperasi. **SEMUA** aktiviti premis perniagaan atau aktiviti perniagaan yang **TELAH DIBENARKAN BEROPERASI** sepanjang tempoh PKPB diarahkan bagi dihadkan waktu operasi seperti berikut:

PERNIAGAAN YANG DIBENARKAN		
BIL	JENIS PERNIAGAAN	WAKTU BEROPERASI
1	Hospital / Klinik Awam Dan Swasta	Seperti Biasa
2	Kilang Elektronik / Kilang Perabot / Kilang Makanan dan lain-lain kilang	Seperti Biasa
3	Pengangkutan Awam / Kaunter Tiket Bas	Seperti Biasa
4	Perkhidmatan taksi/ e-hailing (maksimum hanya dua (2) orang penumpang) dan penghantaran makanan DIBENARKAN beroperasi dari sepanjang tempoh PKPB	6.00 pagi - 12.00 tengah malam
5	Farmasi dan Kedai Ubat-Ubatan	8.00 Pagi – 11.00 Malam
6	Pasar Awam / Pasar Persendirian	6.00 Pagi – 2.00 Petang
7	Pasar Tani (Dengan Kehadiran dan Pemantauan Anggota Rela)	6.00 Pagi – 12.00 Tengahari
8	Pasar Malam Yang Dibenarkan Oleh MDT (Dengan Kehadiran dan Pemantauan Anggota Rela)	4.00 Petang – 10.00 Malam
9	Kompleks Membeli Belah (tertakluk pengurusan bangunan) / Pasaraya / Departmental Store / Penjagaan Diri / Kedai Runcit / Kedai Serbaneka / Mini Mart	
10	Perbankan / Ejen Perbankan / Insurans / Takaful / Pinjaman Wang Berlesen / Pejabat Guaman / Pejabat Urusan / Perpustakaan	
11	Kedai Perabot / Kedai Emas / Kedai Elektrik & Elektronik / Kedai Buku & Alatulis / Kedai Cermin Mata & Alat Optik / Kedai Hardware termasuk D.I.Y. / Bengkel Kenderaan, Penyelenggaraan & Alat Ganti / Kedai Tayar / Kedai Aksesori Kenderaan / Makanan Haiwan / Kedai Baja / Racun / Peralatan Pertanian / Alat Ganti Jentera dan Mesin / Kedai Telekomunikasi / Kedai Jam / Kedai Perubatan Tradisional / Kedai Produk Kesihatan / Kedai Cuci Kereta / Kedai Menjual Kereta / Kedai Menjual Motor / Kedai Cuci Kereta / Kedai Menjual Kain dan Langsir / Kedai Dobi / Butik / Kedai Pakaian dan aksesori fesyen / Kedai Pakaian Seragam / Kuari & Perlombongan / Kedai Bahan Binaan / Kedai Jubin Lantai / Kedai Pajak Gadai / Kedai Ar Rahn / Hotel / Rumah Penginapan	6.00 Pagi – 10.00 Malam
12	Kedai Makanan & Minuman / Restoran / Warung / Restoran Makanan Segera / Penjaja Tepi Jalan / Penjaja Beredar / Food Truck / Pusat Penjaja / Medan Selera / Gerai MILIK MDT (DINE-IN (MAKAN DI KEDAI) DIBENARKAN DENGAN HANYA 2 KE 4 INDIVIDU SETIAP MEJA DENGAN PENJARAKAN BERGANTUNG SAIZ MEJA. DIGALAKKAN JUALAN SECARA BUNGKUS, DELIVERY DAN TAKE AWAY)	
13	Aktiviti di padang bola sepak komersial, gymnasium, gelanggang futsal dan dewan badminton komersial yang mempunyai premis DIBENARKAN beroperasi bermula dengan mematuhi SOP Sektor Sukan & Rekreasi.	
14	Mesin ATM / Stesen Minyak bersama Mart (Kecuali Stesen Minyak di Sepanjang Lebuhraya dibenarkan beroperasi 24 Jam)	

JENIS AKTIVITI YANG TIDAK DIBENARKAN BEROPERASI		
BIL	JENIS PERNIAGAAN	ULASAN
1	Semua aktiviti Hiburan termasuk Pusat Hiburan, Panggung Wayang, Pusat Karaoke, Pusat Refleksologi, Pusat Estetik, Pusat Urut, Snooker, Kelab Malam dan Taman Tema	Tidak Dibenarkan Beroperasi
2	Karnival Jualan / Seminar / Bengkel / Kursus / Latihan / Persidangan / Ceramah / Pameran dan Aktiviti Berkaitan Dengan Meeting, Incentives, Conventions dan Exhibitions (MICE) kecuali Latihan dalam Perkhidmatan yang sedang Berjalan boleh dilaksanakan hanya dalam kawasan Institusi latihan sahaja	Tidak Dibenarkan Beroperasi
3	Pusat Peranginan / Hutan Rekreasi / Air Terjun termasuk kolam renang	Tidak Dibenarkan Beroperasi
4	Aktiviti berkaitan dengan pembelajaran / pendidikan / Pusat Perkembangan Minda / Pusat Tuisyen / Institut Pengajian Tinggi Awam & Swasta, Institut Latihan Kemahiran, pusat tahfiz, sekolah, tadika, taska dan pusat jagaan kanak-kanak ditutup dalam tempoh PKPB kecuali taska dan pusat jagaan kanak-kanak bagi penjagaan anak-anak frontliners dan ibubapa/penjaga yang bekerja dengan kebenaran beroperasi oleh Kementerian berkaitan	Tidak Dibenarkan Beroperasi
5	Aktiviti Riadah dan Rekreasi di Tempat Awam termasuk berkelah	Tidak Dibenarkan Beroperasi
6	Taman Awam dan Taman Rekreasi.	Ditutup
7	Apa-apa aktiviti yang boleh menyebabkan ramai orang hadir di suatu tempat sehingga menyukarkan penjarakan fizikal dan pematuhan SOP	Tidak Dibenarkan Beroperasi

Peringatan tentang Pelaksanaan Langkah-langkah Pencegahan Penularan Wabak Penyakit:

- i Semua pemilik/pengusaha premis diminta mengikuti **Langkah-langkah Kerja Pembersihan (Disinfeksi)** menggunakan cecair pencuci dengan kandungan sodium hypochlorite yang selaras dengan tatacara yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) pada mana-mana permukaan yang bersentuhan serta alatan yang diguna sama oleh orang ramai terutamanya trol, bakul barangan, tombol pintu, kaunter bayaran, eskalator, nozzle pump, dan sebagainya **secara kerap atau sebaik-baiknya pada setiap kali digunakan.**
- ii Pemilik/pengusaha diminta menyediakan pensanitasi tangan (hand sanitiser) berasas alkohol atau menyediakan kawasan mencuci tangan dengan sabun untuk kegunaan pekerja/pelanggan serta penyediaan termometer bagi mengukur suhu badan pelanggan (**maksima 37.5 °C**) sebelum memasuki premis (**Mengikut pada kesesuaian jenis aktiviti serta SOP yang dikeluarkan oleh MKN**)
- iii. Memantau jarak selamat (1 meter atau lebih) antara satu dengan yang lain sama ada dalam kalangan pengunjung mahupun pekerja di kawasan premis.
- iv. Melaksanakan langkah-langkah pencegahan penularan wabak penyakit lain yang sesuai mengikut panduan dan saranan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dari semasa ke semasa.

Pengusaha premis perniagaan diminta mematuhi arahan ini **BERMULA 9 NOVEMBER 2020** sehingga **6 DISEMBER 2020** atau **selagi tempoh PKPB berkuatkuasa** selaras dengan peruntukan kepada kuasa **Majlis Daerah Tangkak** di bawah **Seksyen 72(1)(f), Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171).**

Pemakluman dan arahan ini dikeluarkan dari masa ke semasa dan akan dipinda jika ada arahan selanjutnya dari pihak Kerajaan Negeri. Kerjasama dan tindakan tuan/puan dalam perkara ini diucapkan terima kasih.

Dengan Arahan;

**Yang DiPertua
Majlis Daerah Tangkak**